

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT TAHUNAN BAKTI YANG KE-18
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 12-07-1995

1. Bersyukur saya sekali lagi kerana Majlis Perasmian Mesyuarat Tahunan BAKTI selamat sempurna sebentar tadi dan sekarang kita perlu tumpukan perhatian pula kepada Mesyuarat Tahunan yang sebenar.

2. Saya ucapkan terima kasih kerana bersama dengan saya untuk menjalankan tugas-tugas kita sebagai ahli BAKTI.

3. Bagi pihak BAKTI dan saya sendiri saya alu- alukan saudari-saudari yang baru menghadiri Mesyuarat Tahunan ini. Mungkin saudari-saudari telahpun menjadi ahli-ahli Badan Kebajikan di peringkat Negeri masing-masing. Menjadi ahli BAKTI tiada bezanya, kecuali tanggungjawab ahli- ahli BAKTI adalah lebih besar. Adalah menjadi kewajipan ahli-ahli sentiasa mengingati peranan mereka sebagai isteri pemimpin negara dan menjaga imej suami masing-masing khasnya selepas pilihanraya umum baru-baru ini. Sebagai penghargaan dan terima kasih kepada rakyat, BAKTI telah wujud dan ahli-ahli perlulah sentiasa sedar bahawa suatu cara yang baik sekali untuk membalas sokongan rakyat ialah melibatkan diri kita dalam kerja-kerja amal kebajikan. Dasar BAKTI ialah membuat kerja-kerja kebajikan untuk masyarakat dan ahli-ahli adalah bertanggungjawab untuk sama-sama melaksanakan dasar- dasar dan tujuan asal BAKTI ini.

4. Sejak 12 tahun yang lepas, saya bernasib baik mempunyai ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kecil yang cekap, dedikasi dan efisien. Mereka tidak ambil kira penat dan lelah dan menjalankan tugas masing-masing dengan jayanya sungguhpun kerap kali menghadapi banyak rintangan dan masalah.

5. Sejak beberapa tahun ini juga, BAKTI telah berkembang pesat dan kerja-kerja Urusetia, Bendahari dan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kecil yang berhubung rapat dengan masyarakat kian bertambah. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada mereka yang memberi sokongan penuh kepada saya untuk menguruskan BAKTI. Saya ingin rakamkan penghargaan khas kepada Setiausaha Kehormat Datin Noorhayati, Bendahari Kehormat Datin Fong Lay Hwa dan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Toh Puan Dr. Aishah Ong yang menjalankan tanggungjawab mereka sepanjang tahun dan masa dengan teliti dan efisien.

Syabas dan terima kasih.

6. Tahun ini kita akan memilih Jawatankuasa Tadbir yang baru. Tidak payahlah saya ulang kali merayu kepada ahli-ahli supaya rela mencalonkan diri dan menerima pencalonan nanti. BAKTI pada masa 5 tahun hadapan ini memerlukan ahli-ahli yang cekap, jujur dan ikhlas dalam Jawatankuasa Tadbir. Rancangan- rancangan baru perlu diatur, khasnya mengenai bangunan BAKTI di Bukit Kiara. Oleh itu, saya berharap dengan kerjasama dan sokongan penuh daripada semua, ahli-ahli BAKTI akan mempertahankan nama baik BAKTI supaya sentiasa mendapat kepercayaan dan keyakinan daripada orang ramai seperti tahun- tahun yang lampau.

7. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberi taufik dan hidayahNya kepada kita dan memberkati Mesyuarat Tahunan BAKTI ini. Dengan doa ini saya teruskan ke agenda ke-2 dalam mesyuarat ini.